



اَوْنُوْ سِيْطِيْ تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

YASIN HOUR

NUR SYAMIERA NARISYA & NURASHIKIN MAT RASHID




Seremban, 3 Julai 2025 – Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Seremban melalui Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah menganjurkan Program *Yasin Hour* bertempat di Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said.

Program ini menghimpunkan seramai 334 mahasiswa dan mahasiswi daripada pelbagai fakulti. Ia diadakan khusus bagi memberi sokongan rohani kepada para pelajar dalam menghadapi peperiksaan akhir. Melalui bacaan Yasin dan doa bersama, mahasiswa diharapkan lebih tenang, bersemangat dan yakin dengan usaha mereka.



Turut hadir memeriahkan program ini ialah Tc. Saiful Hasbullah Bin Abdul Majid serta Muhammad Luqman Bin Roslan. Suasana di Pusat Islam cukup syahdu apabila pelajar mula memenuhi ruang seawal jam 7.00 malam. Program dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah, diikuti bacaan Yasin, solat Isyak dan diakhiri dengan pengisian e-Merit Kolej.



Suasana di Pusat Islam cukup syahdu apabila pelajar mula memenuhi ruang seawal jam 7.00 malam. Program dimulakan dengan solat Maghrib berjemaah, diikuti bacaan Yasin, solat Isyak dan diakhiri dengan pengisian e-Merit Kolej sebelum para peserta bersurai pada jam 9.30 malam.

Program ini telah menarik ramai pelajar yang hadir untuk menyertai dan mendengari tentang pengenalan kolej. Gambar yang dirakam menunjukkan suasana meriah di dalam Pusat Islam Sheikh Haji Ahmad Said, di mana para pelajar memenuhi ruang dalam pusat islam untuk mendengari isi program ini. Para pelajar telah selesai bacaan yasin pada jam 9.30 malam.



Secara keseluruhannya, Program *Yasin Hour* mendapat sambutan yang sangat baik dan wajar diteruskan sebagai salah satu inisiatif membentuk mahasiswa seimbang dari aspek akademik, sahsiah dan rohani.



Menurut pengarah program, Nur Amylia Atira, penganjuran ini mencerminkan komitmen universiti dalam menerapkan nilai kerohanian dalam kalangan mahasiswa. Malah, ia mampu memupuk kesedaran bahawa kejayaan bukan sahaja bergantung pada usaha fizikal, tetapi juga kekuatan rohani dan hubungan dengan Allah SWT.

Pihak penganjur turut menyatakan beberapa cadangan penambahbaikan seperti menambah slot tazkirah, menghebahkan program kepada pelajar Non-Resident, dan menjadikannya program berkala setiap kali musim peperiksaan. Dengan penambahbaikan ini, Program *Yasin Hour* dijangka dapat memberi impak lebih besar pada masa akan datang.